

D48 B B249 AAB

MAHATHIR - CHARLES R'R'R'

I

KUALA LUMPUR, 27 MAC (BERNAMA) -- PUTERA CHARLES TIDAK BERNIAT UNTUK MENUDUH MALAYSIA MELAKUKAN PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI TERHADAP MASYARAKAT PENAN DI SARAWAK DAN SEBENARNYA TIDAK MENDAPATI SEBARANG KESILAPAN DALAM DASAR PERHUTANAN NEGARA INI.

PESURUHJAYA TINGGI BRITAIN KE MALAYSIA SIR NICHOLAS SPRECKLEY MEMBERITAHU PERKARA ITU KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEMASA BELIAU MENGUNJUNGI PERDANA MENTERI HARI INI BAGI MENERANGKAN KENYATAAN YANG DIBUAT OLEH PEWARIS TAKHTA BRITAIN ITU KONONNYA MALAYSIA TERLIBAT DALAM KEGIATAN PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI TERHADAP MASYARAKAT PENAN.

KENYATAAN ITU, YANG DILAPORKAN DIBUAT OLEH PUTERA CHARLES BARU-BARU INI TELAH MENYINGGUNG PERASAAN RAKYAT MALAYSIA HINGGA MENYEBABKAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO MENGEMUKAKAN BANTAHAN.

SATU KENYATAAN YANG DIKELUARKAN OLEH PEJABAT PERDANA MENTERI SELEPAS PERTEMUAN ITU BERKATA, SIR NICHOLAS MEMBERITAHU DATUK SERI DR MAHATHIR BAHAWA PUTERA ITU BERCAKAP BAGI PIHAK DIRINYA SEORANG SAHAJA TANPA SEBARANG NASIHAT DARIPADA KERAJAAN BRITISH.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PUTERA ITU TIDAK MEMPUNYAI KEDUDUKAN BERPERLEMBAGAAN.

SIR NICHOLAS MENYATAKAN BAHAWA PENGGUNAAN PERKATAAN +GENOCIDE+ (PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI) TIDAK MEMBAYANGKAN PANDANGAN KERAJAAN BRITISH. -- LAGI.

1925MST 27 03 90

B B253 DEB.

MAHATHIR - CHARLES 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

PERDANA MENTERI BRITAIN MARGARET THATCHER SENDIRI TELAH MENULIS KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR UNTUK MENGUCAPKAN TAHNIAH TERHADAP UCAPAN PERDANA MENTERI BARU-BARU INI PADA PERASMIAN MESYUARAT ASEAN-EC DI KUCHING, KATA KENYATAAN ITU.

DALAM UCAPANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH SEKALI LAGI MENGESAHKAN PENDEKATAN MALAYSIA TERHADAP PENGURUSAN DAN PENGEKALAN HUTAN DAN MENJADI DASAR KERAJAAN MALAYSIA UNTUK MEMBAWA MASYARAKAT PENAN KE DALAM ARUS KEHIDUPAN RAKYAT LAIN.

SIR NICHOLAS MEMBERITAHU PERDANA MENTERI BAHAWA PUTERA CHARLES TELAH MENGARAHKAN SETIAUSAHA PERIBADINYA MENERANGKAN KEPADA ROMBONGAN PEMUDA UMNO YANG MELAWAT LONDON AWAL BULAN INI BAHAWA BAGINDA TIDAK BERNIAT UNTUK MENUDUH MALAYSIA MELAKUKAN PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI DAN BAGINDA TIDAK NAMPAK SEBARANG KESILAPAN DALAM DASAR PERHUTANAN MALAYSIA.

PUTERA CHARLES BENAR-BENAR KESAL KENYATAANNYA TELAH MENIMBULKAN KEMARAHAAN MALAYSIA.

MENURUT KENYATAAN ITU DATUK SERI DR MAHATHIR MENYATAKAN HARAPAN BAHAWA DEMI KEPENTINGAN HUBUNGAN BAIK ANTARA BRITAIN DAN MALAYSIA, KENYATAAN-KENYATAAN SEUMPAMA ITU TIDAK SEHARUSNYA DIBUAT PADA MASA AKAN DATANG. -- BERNAMA.